

31/05/1997

LPP tubuh Syarikat Peladang Korporat

LEMBAGA Pertubuhan Peladang (LPP) akan menubuhkan Syarikat Peladang Korporat untuk mengambil alih pengurusan semua pertubuhan peladang di seluruh negara, menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Rahim Rahmat, berkata langkah itu selaras dengan usaha meningkatkan pendapatan dan pengeluaran peladang tempatan.

Menurutnya, rancangan penubuhan syarikat korporat itu diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melancarkan Hari Peladang, baru-baru ini.

"Rancangan itu akan dibentangkan pada mesyuarat lembaga penasihat LPP akan datang. Syarikat itu nanti adalah usaha sama LPP, Persatuan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Koperasi Niaga Peladang," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan anggota-anggota LPP Perak di Ipoh, semalam.

Hadir sama Pengarah LPP Perak, Aziz Abu Seman. Sempena majlis itu, semua ketua unit LPP Perak membentangkan Laporan Kemajuan Prestasi Pencapaian unit masing-masing.

Menurut Abdul Rahim, kira-kira 50 pertubuhan peladang di seluruh negara termasuk Terengganu, Pahang, Kelantan, Melaka dan Negeri Sembilan akan beroperasi sebagai syarikat perniagaan.

"Setakat ini, pertubuhan peladang terbabit melaburkan lebih RM50 juta untuk penubuhan syarikat korporat itu," katanya.

Walaupun negara ini semakin kekurangan peladang, syarikat terbabit, katanya akan memastikan pengeluaran makanan berkualiti dan pengurusan profesional dengan memanfaatkan hubungan baiknya dengan pertubuhan perniagaan lain bagi memasarkan produknya.

"Pengurusan syarikat itu akan memberi tumpuan terhadap pentingnya mendapatkan khidmat kakitangan berkualiti yang dapat menjalankan urusan perniagaan dengan berkesan," katanya.

LPP, katanya mengaut keuntungan RM1.013 bilion dan memiliki sejumlah hartanah termasuk ladang dan bangunan bernilai RM500 juta yang memerlukan kerjasama dan sokongan peladang.

Aziz pula berkata, 31 pertubuhan peladang di Perak menubuhkan Syarikat Peladang Gemilang, Januari lalu dan sudah menandatangani kontrak bernilai RM200,000 dengan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk pembekalan bahan makanan kepada syarikat penerbangan itu.

Menurutnya, syarikat itu turut menjalankan projek ternakan udang harimau di tapak 40 hektar membabitkan pelaburan RM5 juta selain ternakan lembu di ladang sawit serta ternakan ayam.

(END)